

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary  
[Bachok]**

**TARIKH : 8 Ogos 2017**

**SOALAN : Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI menyatakan: -**

jumlah nelayan dan petani di Bachok yang masih dalam kategori miskin tegar dan miskin. Apakah Kerajaan mengakui bahawa dengan dasar dan langkah sedia ada, nasib nelayan dan petani di Bachok tidak banyak berubah.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Berdasarkan kepada data e-Kasih pada tahun 2016, bilangan nelayan miskin dan miskin tegar di Bachok, Kelantan adalah seramai 14 orang iaitu 0.9% daripada jumlah nelayan berdaftar di Bachok seramai 1,547 orang.

Dalam perkara ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mendapati bahawa bilangan penerima e-Kasih bagi nelayan di Bachok menunjukkan penurunan setiap tahun. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa program dan projek yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan adalah berkesan dalam mengubah ekonomi masyarakat nelayan. Di antara program-program tersebut adalah:

- (1) Bantuan infrastruktur dan latihan modal insan melalui program azam tani dan *touch point*;
- (2) Program pinjaman mudah kepada nelayan;
- (3) Pemberian elaun sara hidup kepada nelayan;
- (4) Pelaksanaan skim subsidi diesel dan petrol nelayan;
- (5) Pelaksanaan projek khas perumahan nelayan;
- (6) Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA);
- (7) Program latihan kemahiran insentif;

- (8) Penyediaan pusat kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak dan generasi muda nelayan; dan
- (9) Program geran pemadanan usahawan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

Bagi petani di Bachok pula, bilangan petani miskin dan miskin tegar adalah seramai 1,300 orang iaitu 18% daripada jumlah petani berdaftar di bawah Persatuan Peladang di Parlimen Bachok berjumlah 7,116 orang.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Persatuan Peladang sentiasa berusaha bagi membantu golongan petani miskin dan miskin tegar di Bachok menambahbaik tahap sosioekonomi mereka. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah merangkumi bantuan input pertanian, khidmat nasihat dan bantuan kewangan seperti berikut:

- (1) Program azam tani;
- (2) Naiktaraf mekanisasi ladang dan geran padanan jentera kecil petani;
- (3) Program pengeluaran sayur-sayuran;
- (4) Program pengeluaran buah-buahan;
- (5) Program pemasaran dan pengukuhan rantaian nilai; dan
- (6) Program menaiktaraf pusat pemprosesan produk pertubuhan peladang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [ KLUANG ]**

**TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 96**

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keberkesanan 'Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014- 2020' dalam mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia terutamanya kemalangan yang melibatkan penunggang motosikal dan status pelaksanaan 51 syor dalam Laporan Kemalangan Bas Jatuh Gaung Di KM 3.6 Jalan Genting Highlands-Karak pada 21 Ogos 2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Keselamatan Jalan Raya 2014-2020 kini sedang melalui fasa penilaian semula atau rekalibrasi bagi mengukuhkan strategi pemantauan dan pelaksanaan oleh setiap agensi yang terlibat termasuk strategi mengurangkan kadar kemalangan yang melibatkan penunggang motosikal. Fasa ini dijangka selesai pada hujung tahun ini dan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemantauan Prestasi dan Pencapaian Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014-2020 dan akan dibincangkan dengan mengambil kira isu dan cabaran yang dihadapi.

Pemantauan pelaksanaan projek dan inisiatif oleh agensi-agensi berkaitan di bawah Teras Strategik 2 RMK-11 bagi Bidang Fokus D (Meningkatkan Keselamatan Jalan Raya dan Perkhidmatan Kecemasan Untuk Mengurangkan Fataliti) turut dipantau oleh Kementerian Pengangkutan yang juga selari dengan hasrat Pelan Keselamatan Jalan Raya 2014-2020.

Berkenaan dengan pelaksanaan 51 syor dalam Laporan Kemalangan Bas Jatuh Gaung Di KM 3.6 Jalan Genting Highlands-Karak pada 21 Ogos 2013, pihak Kementerian Pengangkutan telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan syor yang telah dicadangkan oleh badan penyiasat dilaksanakan sepenuhnya dan perkara tersebut telah dimuat naik dalam laman web MOT.

Selain itu, pihak Kementerian juga telah menubuhkan *Recommendation Review Panel* bagi menjalankan penilaian terhadap tindakan-tindakan yang telah disyorkan dalam Laporan Kemalangan Bas Genting Highland tersebut. Panel ini buat masa ini sedang menjalankan kajian berkenaan perkara ini dan laporan panel ini akan dilaporkan kepada awam setelah selesai.

Kementerian Pengangkutan juga sedang dalam tindakan untuk menubuhkan Malaysia *Transport Safety Board* (MTSB). MTSB akan bertindak sebagai badan penyiasat bebas dan akan melaksanakan pemantauan keselamatan merangkumi semua mod pengangkutan.